

AMALAN *MUT'AH AL-TALĀQ* DALAM MASYARAKAT DI TIGA WILAYAH SELATAN THAILAND*

The Practice of *Mut'ah al-Talāq* in Three Southern Provinces of Thailand

Mahamatayuding Samah¹

ABSTRACT

Among the concern towards women who have been divorced in Islam is the husband's obligation to the wife compensation termed as mut'ah. The payment is made to the wife according to her status and husband's financial ability. Islamic Family Law as it is applicable in Thailand also provides the same to the divorced wives. However, to what extent this provision is implemented in the state is questionable. According to the field work done, it is found that many of wives have not claimed the mut'ah because of their ignorance of such rights. It is therefore important to have an effort to make the wives aware of this right so that their financial position can be improved.

* Artikel ini adalah sebahagian daripada projek penyelidikan RP00713HNE Universiti Malaya. Penulis mengucapkan penghargaan kepada Profesor Dr. Ahmad Hidayat Buang, ketua projek berkenaan di atas komentar yang diberikan di dalam penulisan artikel ini.

¹ Senior Lecturer, Department of Shariah and Law, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, mahyudin@um.edu.my

Keywords: *mut'ah, Lak Kodmai Islam (Asas Undang-Undang Islam Thailand), Majlis Agama Islam, Dato' Yuttittam*

PENDAHULUAN

Setelah Faṭani jatuh dan dikuasai pemerintah Siam (Thailand) pada tahun 1789, masyarakat Melayu Islam di tiga wilayah selatan Thailand masih dapat menjalani urusan hidup mereka dengan sendiri. Ini dapat dilihat apabila ia mengekalkan bentuk pentadbiran masyarakat Islam Faṭani dengan membenarkan urusan keagamaan dilaksanakan dalam ceramah dan khutbah.²

Sebagai ketua negeri, raja Faṭani telah melantik orang-orang yang berpengetahuan atau orang alim sebagai penasihat agama, di bawah bimbingan mufti. Terdapat juga perlantikan kadi sebagai pemutus hukum dalam daerah masing-masing atau dalam kawasan tertentu.

Di peringkat daerah, terdapat ramai imam, khatib dan bilal dilantik di masjid-masjid dalam daerah masing-masing yang bertanggungjawab terhadap perlaksanaan undang-undang Islam bersama Sultan, mufti dan kadi³ dalam pelbagai isu termasuklah yang berkait dengan soal wanita khususnya undang-undang kekeluargaan Islam dan harta pusaka.⁴

Di peringkat kampung pula, imam telah dilantik bagi menjalankan tugas sebagai kadi dalam menyelesaikan perselisihan yang berlaku. Kebanyakan mereka mengadakan mesyuarat atau bertanyakan hukum di ruangan terbuka di rumah dan di serambi masjid. Sekiranya mereka tidak dapat menyelesaikan isu perselisihan dalam soal kekeluargaan mereka akan teruskan pula ke peringkat Majlis Agama Islam Wilayah. Pengamalan ini berkekalan sehingga sekarang.⁵

² Urusan keagamaan diperluaskan kepada Undang-undang Keluarga Islam dan Harta pusaka. Lihat dalam Amporn Marddent, ‘Khao Khaek Interfaith Marriage between Muslims and Buddhists in Southen Thailand,’ dalam *Muslim-Non-Muslim Marriage Political and Cultural Contestations in Southeast Asia*, ed. Gavin W. Jones, Chee Heng Leng & Maznah Mohamed (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2009), 191.

³ Wan Kadir Che’man, *Muslim Separatism: The Moros of Sauthen Philipines and the Malay of Sauthen Thailand* (Singapore: Oxford University Press, 1990), 40-41.

⁴ Amporn Marddment, ‘Religious Piety and Muslim Women in Thailand,’ dalam *Gender and Islam in Southeast Asia:Women’s Right Movement, Religious Resurgence and Local Traditions*, ed. Susanne Schroeters (Leiden: Google Book Brill, Jun 13 2013, h. 241).

⁵ Amporn Marddment, ‘Religious Piety and Muslim Women in Thailand,’ 241.

Secara keseluruhannya mereka mengamalkan ajaran Islam secara sukarela selagi tidak bertentangan dengan undang-undang negara Thailand. Dalam menyelesaikan sesuatu kes yang berlaku di kalangan mereka, kebanyakannya pada kali pertama akan dibawa ke peringkat kariah yang akan dihakimi oleh ‘Tok Imam’⁶ dan sekiranya tidak boleh diselesaikan, kes itu akan dibawa ke institusi agama Islam wilayah (Majlis Agama Islam) untuk diputuskan dengan lebih teliti.⁷ Sekiranya di peringkat institusi ini juga tidak berjaya, maka kes itu akan dibawa ke Mahkamah Sivil yang dihakimi oleh ‘Dato’ Yuttitam’.⁸

-
- ⁶ Dalam Undang-undang Pentadbiran Agama Islam di tiga Wilayah selatan Thailand tahun B.E. 2540 (1997) Imam itu diertikan sebagai pemimpin agama Islam yang mengurus masjid dalam sesebuah kampung. Lihat seksyen 9 Akta Pentadbiran Agama Islam B.E. 2540 (1997). Perlantikan imam dalam sesebuah masjid hendaklah memenuhi beberapa syarat seperti; bersifat dengan sifat yang tidak dilarang mengikut seksyen 17 Akta tersebut iaitu tidak pernah muflis dan tidak berjawat dengan jawatan politik dalam negara, boleh membaca al-Quran dengan betul dan tepat, mengendalikan urusan agama Islam dengan betul mengikut undang-undang Islam, boleh berceramah dan berkutbah dan menjadi ahli masjid tidak kurang dari 90 hari sebelum pemilihan. Pada umumnya imam dan pembantunya adalah mereka yang mempunyai ilmu agama dan pengalaman dalam melaksanakan amal ibadat. Sebagai pemimpin dalam melaksanakan amal ibadat mereka mendapat penghormatan dari masyarakat. Lihat dalam Wan Kadir Che’man, *Muslim Separatism: The Moros of Sauthen Philipines and the Malay of Sauthen Thailand*, 75.
- ⁷ Seksyen 26 (11) Akta Pentadbiran Agama Islam tahun B.E. 2540 (1997) memperuntukkan tentang tugas dan tanggungjawab ahli jawatankuasa wilayah untuk mendamaikan dan mengeluarkan keputusan terhadap pertelingkahan dalam soal kekeluargaan antara suami dan isteri mengikut undang-undang Islam. Dari segi teori, ahli Majlis Agama Islam Wilayah adalah orang yang berpendidikan dalam bidang Islam yang dipilih oleh imam kariyah melalui pemilihan rasmi. Walau bagaimanapun, dari segi amalan, tidak semua ahli majlis tersebut merupakan orang yang berpendidikan sama ada dalam bidang agama atau sebaliknya. Ramai di kalangan mereka bercita-cita tinggi yang mempunyai kepentingan untuk mencapai pangkat dalam pentadbiran. Sebahagianya tidak mempunyai asas agama Islam. Selalunya mereka mencapai kedudukan melalui pengaruh keluarga yang terkenal dan keluarga mereka yang dahulunya bangsawan. Dianggarkan tidak lebih 30% daripada ahli majlis adalah mereka yang berpendidikan dan mampu memberi nasihat kepada Thailand mengenai urusan Islam. Lihat dalam Wan Kadir Che’man, *Muslim Separatism: The Moros of Sauthen Philipines and the Malay of Sauthen Thailand*, 73.
- ⁸ Semasa akta khas dilaksanakan pada tahun 1901 atau Akta Pemerintahan Tujuh Negeri R.S. 120, jawatan ini lebih dikenali sebagai To’kali atau To’kathi yang berperanan sebagai hakim. Seterusnya, pada 24 September 1917, satu surat arahan dari Kementerian Keadilan untuk, mengubah istilah To’kali atau To’kadi yang

Pada umumnya, umat Islam di tiga wilayah ini berpuas hati dan menerima dengan baik urusan fatwa atau nasihat dari institusi agama Islam wilayah ini (Majlis Agama Islam) tanpa mempersoalkan apakah ianya sah atau tidak mengikut undang-undang negara.⁹

Isu *mut'ah* bukanlah suatu fenomena asing dalam kalangan wanita Islam di tiga wilayah selatan Thailand (Pattani, Yala dan Narathiwat). Dalam temubual bersama Kadi Wilayah Pattani Ismail Che',¹⁰ menegaskan bahawa salah satu faktor permasalahan yang berlaku dalam masyarakat Islam di tiga wilayah selatan Thailand ialah isteri yang diceraikan itu tidak mengetahui dan memahami hak-hak yang boleh dituntut melalui mahkamah. Hak-hak itu terbiar sahaja seperti hak *mut'ah* sebagaimana berlaku di wilayah Pattani dan Yala. Sebaliknya di wilayah Narathiwat ada sedikit perkembangan iaitu wanita mendapat *mut'ah* sebanyak 11.43% sahaja. Begitu juga tentang nafkah '*iddah*', sebanyak 11.43% di wilayah Pattani, 12.85% di wilayah Yala dan Narathiwat.

MUT'AH DALAM PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG ISLAM

Mut'ah ialah sejumlah harta yang wajib diberikan oleh seseorang suami kepada isterinya yang diceraikan dengan syarat-syarat tertentu.¹¹ Dari segi bahasanya boleh digunakan dalam pelbagai situasi lantaran memberi maksud (1) iaitu murah hati atau dermawan (*be generous, grant liberally*) *amtamta'a dan matta'a* (2) bersukaria dengan sesuatu iaitu bergembira dengan pemberian daripada suami kepada isteri yang diceraikan (*allow one the enjoyment or usurfruct of; give a derury to a divorced wife*) *istamta'a* (3) bergembira dengan hartanya, *tamattu'* (4) sesuatu yang sangat menyenangkan dan (5) *istimta'* pula bererti

bertindak selaku hakim undang-undang Islam kepada *Dato' Yuttitam*. Lihat dalam Aziz Ben Hawan, 'Kadhi di Selatan Thai,' *Syariah Law Journal*, 6 (1990): 66. Mengikut definisi kamus Thailand (*Bandit Starn*), *Dato' Yuttitam* ialah seorang yang berpengetahuan dalam hal-ehwal agama Islam. Mengikut perspektif undang-undang Thailand pula, *Dato' Yuttitam* adalah seorang yang diberi kuasa untuk memutuskan sesuatu kes yang berkait dengan soal kekeluargaan dan harta pusaka mengikut undang-undang Islam. Jawatan ini setaraf dengan para kadi atau hakim-hakim am yang memainkan peranan penting dalam proses perbicaraan di mahkamah. Lihat dalam Arong Suttasana, 'Syariah and Codification - Thailand Experience,' *Syariah Law Journal*, 4 (1987): 134-135.

⁹ Ahmad Wan Lembut (Timbalan Yang Dipertua, Majlis Agama Islam Wilayah Pattani), dalam temu bual dengan penulis, pada 6 Jun 2008.

¹⁰ Ismail Che' (Kadi, Wilayah Pattani), dalam temu bual dengan penulis, pada 22 Mei 2009.

¹¹ Sulaymān bin 'Umar al-Jamāl, 'Hāsyiyah al-Jamal 'Ala Syarḥ Minhāj al-Tullāb,' vol. 17, *Mawqi' al-Islam*, <http://www.al-Islam.com>, diakses pada 5 Julai 2010.

ingin menikmati sesuatu, bersenang-senang antara lelaki dan perempuan (suami isteri) di luar hubungan seksual.¹² Manakala, perkataan *al-Matā'* (benda) ialah sesuatu yang boleh dimanfaatkan seperti makanan atau perkakasan rumah.¹³ *Al-Matā'* pada asalnya ialah suatu lebihan dari perkara yang sedia dimiliki dan boleh dimanfaatkan.

Mut'ah al-Talāq adalah sebahagian dari pengertian tersebut kerana wanita yang diceraikan selain dari mendapat nafkah '*iddah*' dan mahar tertangguh dia juga berhak mendapat *mut'ah* dan dengan pemberian tersebut dia mendapat manfaat darinya dan merasa senang hati dengan pemberian tersebut.¹⁴

Dari segi istilah, fuqaha' mazhab Malik¹⁵ berpendapat bahawa *mut'ah* ialah suatu pemberian yang berbentuk ehsan¹⁶ kepada wanita yang diceraikan mengikut kadar yang mampu dari suami sama ada banyak atau sedikit. Sementara fuqaha' mazhab Syafi'i¹⁷ berpendapat bahawa *mut'ah* adalah suatu bentuk pemberian yang wajib ke atas suami terhadap isteri yang diceraikan.

Jelasnya *mut'ah* ialah sejumlah harta di mana suami wajib memberi kepada bekas isterinya yang pernah disetubuhi jika perceraian itu bukan berpunca dari isteri dan bukan kematian suami. Dalam konteks ini Imam al-Kāsānī¹⁸ berpendapat bahawa *mut'ah* itu diwajibkan juga pada perceraian yang berlaku

¹² M Abdul Mujieb, et al., *Kamus Istilah Fiqh* (Selangor: Advance Publication, 1997), 129.

¹³ Muhyi al-Dīn Yahya bin Syaraf al-Nawawī, 'al-Majmu', vol. 16, *Mawqi' Ya'sub: Maktabah Masjid al-Nabawī al-Syarif*, www.mktaba.org, 10 Oktober 2011.

¹⁴ Muhyi al-Dīn Yahya bin Syaraf al-Nawawī, 'al-Majmu', 71; al-Faiyūmī, Ahmad bin Muhamad bin Ali, *al-Miṣbāh al-Munir*; Mu'jam 'Arabī, 314.

¹⁵ Ibn Jūzzi, *al-Qawānīn al-Fiqhiyyah*, vol. 1 (Beirūt: Dār al-Kutub al-'Arabī, 1989), 217.

¹⁶ Kalimah ihsan ditentukan disebabkan *mut'ah* tidak diwajibkan. Oleh kerana pemberian *mut'ah* berdasarkan keinginan, kerelaan dan keikhlasan suami, maka kadar pun terserah kepada kesanggupan suami. Dengan demikian, kadar *mut'ah* disesuaikan dengan kedudukan suami tanpa mengira kaya atau miskin suami tersebut dan kedudukan isteri. Inilah yang disarankan oleh al-Quran, Surah al-Baqarah ayat 236. lihat Mālik bin Anas, 'al-Mudāwanah al-Kubra,' vol. 2, *Mawqi' Maktabah al-Madaniah al-Rawamiyyah*, www.raqamiya.org, diakses pada 11 Oktober 2011.

¹⁷ Syahāb al-Dīn al-Qalyubī, 'Hāsyiatā Qalyubī wa 'Umayrah 'Ala Minhāj al-Tālibīn,' vol. 12, *Mawqi' al-Islām*, http://www.al-islam.com, 11 Oktober 2011. Lihat juga al-Nawawī, *Rawdat al-Tālibīn*, vol. 7 (Beirūt: Maktabah al-Islām, 1405H), 321.

¹⁸ 'Ala' al-Dīn al-Kāsānī, *Badā'i al-Ṣanā'i*, vol. 2 (Beirūt: Dār Kitāb al-'Arabī, 1982), 303.

hasil dari *illā*,¹⁹ *li ‘ān*,²⁰ *jubb*²¹ dan *‘unnah*²² sebelum berlakunya persetubuhan dalam nikah yang tidak ditetapkan mahar (mas kahwin). Hal ini sama juga dengan suami murtad atau enggan memeluk Islam setelah isterinya menganuti Islam sebaliknya jika perceraian itu adalah hasil dari pihak isteri maka, suami tidak diwajibkan *mut‘ah* sama ada berlaku sebelum persetubuhan atau selepasnya.²³

Alasan pemberian *mut‘ah* ini dijelaskan di dalam al-Quran dan al-Sunnah serta amalan para sahabat. Darinya para ulama menyimpulkan hukumannya, Saidina Hasan bin Ali yang mana semasa ia menjadi khalifah telah menceraikan isterinya dan memberi 10,000 dirham sebagai *mut‘ah*.²⁴ Pemberian tersebut disifatkan sebagai pemberian dari seorang kekasih yang terpaksa berpisah. Apa yang nyata berdasarkan kes ini, wanita tetap diberi *mut‘ah* sebagai suguhati (*consolatory gift*) daripada suami yang telah menceraikan isterinya.

Untuk memenuhi hidup dalam episod akan datang dengan lebih baik sama ada dari aspek material dan psikologi bagi seorang isteri yang diceraikan maka Allah SWT memperuntukan *mut‘ah* bagi meringankan perasaan isteri disebabkan oleh perceraian²⁵ dari pihak suami seperti di bawah ini:

- i. Menurut Muhammad bin Ahmad al-Syarbinī, diperuntukan *mut‘ah* bagi mengubat hati isteri kerana bercerai.²⁶ Isteri yang diceraikan sudah tentu

¹⁹ Perempuan yang selalu sakit dan berada dalam keuzuran. Lihat Jumhūriyyah Misr al-‘Arabiyyah, *al-Mu‘jam al-Wajīz* (Qāhirah: Dār al-Tahrir Littab’ wa al-Nashr, 2000), 431.

²⁰ Suami menuduh isteri berzina dan bersumpah empat kali bagi membuktikan kebenaran. Seterusnya sumpah kelima memperakui azab ke atasnya jika ia tergolong dalam golongan orang yang dusta. Begitu juga dengan isteri. Ia dipastikan bersumpah empat kali bagi membuktikan kedustaan suami dan sumpahan kelima dipastikan memperakui kemurkaan Allah ke atasnya jika suami itu tergolong dalam golongan orang yang benar. Lihat ‘Ala’ al-Dīn al-Kāsānī, *Badāi al-Ṣanā’ī*, 559.

²¹ Isteri yang tidak mempunyai payudara atau terlalu kecil. Lihat ‘Ala’ al-Dīn al-Kāsānī, *Badāi al-Ṣanā’ī*, 90.

²² Suami mengidapi penyakit lemah tenaga batin dan tidak boleh menjimakkan isterinya. Lihat ‘Ala’ al-Dīn al-Kāsānī, *Badāi al-Ṣanā’ī*, 438.

²³ Muhammad bin Ahmad al-Khatīb al-Syarbinī, *Mughnī al-Muhtāj*, vol. 3 (Qāhirah: Dār al-Fikr, t.t.), 24.

²⁴ Muhammad bin Ahmad al-Khatīb al-Syarbinī, *Mughnī al-Muhtāj*, 144.

²⁵ Zaky al-Dīn Sya‘bān, *al-Ahkām al-Syar‘iyyah li al-Ahwāl al-Syakhsiah* (Benghāzi: Jāmi‘ah Qaryunus, 1993), 291.

²⁶ Muhammad bin Ahmad al-Syarbinī Syams al-Dīn, *Tafsīr al-Sirāj al-Munīr*, vol. 1 (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.), 131.

merasakan sedih dan berduka cita di atas keruntuhan rumahtangga sekian lama dibina lebih-lebih lagi apabila sudah mempunyai anak. Kesedihan ini juga turut dikongsi oleh ibu bapa dan keluarga pihak yang diceraikan. Oleh itu, dalam perceraian ini jika diiringkan dengan pemberian *mut'ah*, dapatlah ia meredakan sedikit titisan air mata hasil kesedihan mereka. Oleh itu, pemberian *mut'ah* selepas perceraian oleh suami terhadap isteri adalah pengubat luka kepada kaum wanita. Jasa-jasa mereka terhadap suami sebelum ini tetap dikenang dan pemberian *mut'ah* bolehlah dianggap sebagai penghargaan suami terhadap isteri yang diceraikannya itu. Dalam konteks ini, Zaleha Kamaruddin mengulas bahawa jika perceraian berlaku, isteri yang diceraikan itulah yang selalu menjadi mangsa berbanding dengan bekas suami mereka, wanita ini terpaksa menanggung kesukaran berlipat kali ganda akibat perceraian.²⁷ Apatah lagi sekiranya seorang isteri yang diceraikan itu tidak bekerja dan bergantung hidup kepada suami. Dalam hal-hal tertentu, isteri yang diceraikan itu menjadi beban kepada ahli keluarga. Oleh itu, selain daripada dapat mengurangkan beban yang ditanggung oleh pihak isteri, *mut'ah* juga dapat mengurangkan masalah sosial yang mungkin timbul akibat daripada perceraian tersebut. Seterusnya dengan pemberian *mut'ah* ini juga, maka bekas isteri bolehlah menggunakanannya sebagai modal untuk berdikari dan memulakan hidup baru selepas bercerai.²⁸

- ii. Lazimnya apabila terjadi sesuatu perceraian, masyarakat sering membuat tanggapan yang negatif, khususnya kepada si isteri. Dalam satu artikel yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah Singapura²⁹ menyatakan “Jika berlaku perpisahan, kehidupan sosial seseorang akan mengalami kepincangan. Berbagai-bagai permasalahan yang berhubung dengan pergaulan dan interaksi sesama manusia akan mengakibatkan kesan-kesan yang negatif seperti pasangan akan dipandang sinis oleh masyarakat”. Begitu juga dengan suatu kajian di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa perceraian mendatangkan kesan yang mendalam dari segi psikologi dan sosial terhadap wanita berbanding kaum lelaki.³⁰ Kesannya sangat dirasai terutama pihak si isteri. Timbul perasaan seperti dihina serta rasa kecurigaan

²⁷ Zaleha Kamaruddin, ‘Hak Wanita di dalam Undang-Undang Keluarga: Antara Reformasi dan Realiti,’ dalam *al-Ahkām*, vol. 6 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988), 119.

²⁸ Wafā’ Ma’atūk Hamzah, *Āthār al-Talāq al-Ma’anawiyah wa al-Māliyah fī al-Fiqh al-Islāmī*, vol. 1 (Makkah: Dār al-Thiqqah, 1993), 274.

²⁹ Mahkamah Syariah Singapura, ‘Kesan-kesan Perceraian,’ [app.syariahcourt.gov.sg.](http://app.syariahcourt.gov.sg/), diakses pada 01 November 2006.

³⁰ Weitmen, L., *The Divorce Revolution the Unexpected and Economic Consequences for Women and Children in America* (Newyork: The Free Press, 1985), 348-354.

orang lain terhadap dirinya. Apatah lagi sekiranya pelbagai tohmahan dilemparkan seperti tidak berakhhlak, tidak pandai, suami curang dan lain-lain. Pada hal perceraian tersebut bukan disebabkan oleh isteri tetapi di atas kehendak suami semata-mata. Justeru itu, dengan pemberian *mut'ah* ini isteri dapat mengelak sangkaan buruk masyarakat terhadap seseorang isteri yang diceraikan. Secara tidak langsung ia boleh menghilangkan rasa malu dan prasangka buruk terhadap isteri daripada segala tohmahan dan fitnah yang tidak menyenangkan. Pada kebiasaannya, bagi seseorang wanita yang diceraikan, mereka merasakan memang ada sesuatu keaibahan pada diri mereka sebagaimana terbukti dalam kajian di Kuwait pada tahun 2006, isteri tidak bersifat kasih sayang kepada suami, berperangai kasar, tidak mengambil peduli terhadap keluarga, tidak bertanggungjawab dalam keluarga, cepat marah dan beremosi dan melakukan curang terhadap suami.³¹ Oleh itu, pemberian *mut'ah* ini bermakna perceraian tersebut bukan berpunca dari kecacatan yang ada pada bekas isteri.³²

- iii. Untuk menunjukkan keperihatinan dan tanggungjawab suami sebagai seorang insan yang berbudi dan tetap menghargai isteri atas sumbangan dan peranan yang diberikan isteri semasa hidup bersama. Dengan pemberian yang rasional darinya sedikit sebanyak dapat membantu isteri menghadapi cabaran hidup.³³
- iv. Akibat perceraian ini juga isteri menghadapi tekanan emosi. Dalam kajian yang dilakukan oleh Sbarra dan Emery pada tahun 2005,³⁴ mereka menyatakan bahawa emosi tersebut termasuklah perasaan marah, sedih, rasa bersalah, menyesal, rasa lega harapan dan kegembiraan. Walau bagaimanapun, kesan emosi ini juga boleh membawa kesan yang negatif.³⁵ Oleh kerana perceraian terjadi disebabkan oleh suami maka kesan emosi yang ketara lahir daripada pihak isteri. Kajian terhadap kesan-kesan

³¹ Mubarak Fahad al-Dusriy, ‘Mu’tamar al-Irsyād al-Usariy al-Awwalu Bidual Majlis al-Ta‘āwun al-Khalījiy,’ *al-Furqān*, vol. 434 (2007), 18.

³² Zaky al-Dīn Sya‘bān, *al-Ahkām al-Syar‘iyyah li al-Ahwāl al-Syakhsiyah*, 289.

³³ Safia Iqbal, *Women and Islamic Law* (New Delhi: Adam Publishers & Distributors, 2004), 211.

³⁴ A. Sbarra, Robert E. Emery, ‘Co parenting Conflict, Non-acceptance and Depression Among Divorced Adults Results from 12 year Follow up Study of Child Custody Mediation Using Multiple Imputation,’ *Am J. Orthopsychiatry*, 75/1 (2005): 63-75; Booth A, Amato P, ‘Divorce and Psychological Stress,’ *J. Health Soc Behav.* 32/4 (1991): 396-407.

³⁵ Hassan Salleh, *Asas Kekeluargaan Islam: Bahasan Empat Mazhab: Syafi‘i, Hanafi, Maliki dan Hanbali* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989), 157.

perceraian³⁶ menunjukkan bahawa wanita yang menempuh perceraian dikatakan lebih merasakan tempias atau kesan mendalam. Kesan daripada tekanan emosi akan menyebabkan berlaku kemurungan, suka hidup bersendirian, tidak suka bergaul dengan kawan-kawan, jiran tetangga dan emosi mudah terhiris. Lantaran itu, dengan adanya *mut'ah* walau pun tidak dapat menghapuskan tekanan emosi sepenuhnya tetapi sedikit sebanyak dipercayai dapat meringankan beban isteri daripada memikirkan nasib diri dan masa depannya yang tidak menentu. Setidak-tidaknya untuk sementara waktu sebelum dia bekerja atau berkahwin dengan suami yang baru.

- v. Untuk mengetepikan dari persengketaan di antara dua keluarga secara berpanjangan. Insiden perceraian tidak akan berlaku dalam masyarakat dengan semudah-mudah alasan. Ini kerana, pihak lelaki telah banyak memikul beban perkahwinan dengan jumlah wang yang sangat besar. Namun, apa gunanya hidup yang dipenuhi dengan banyak permasalahan dan perselisihan dalam rumah tangga lalu terjadi perceraian sebagai jalan penyelesaian terakhir. Bagi mereka yang dapat menerima hakikat maka ia akan reda dengan perceraian tersebut. Tetapi sesetengah isteri tidak dapat menerima hakikat tersebut sehingga mencetuskan persengketaan secara berlarutan malah lebih teruk lagi jika persengketaan tersebut diturut serta oleh keluarga kedua-dua belah pihak. Akibatnya terjadi satu persengketaan yang hebat dan berpanjangan. Oleh itu, apabila menerima pemberian *mut'ah*, mungkin tahap kemarahan isteri akan berkurangan sedikit, isteri tidak lagi terasa dizalimi dan akhirnya kemarahan dan dendam secara beransur akan hilang.³⁷

Bagaimanapun, isteri yang diceraikan sama ada ia bekerja atau tidak mesti sedar terhadap tugas dalam memikul beban, tanggungjawab yang lebih besar di dalam mendidik dan membesarakan anak.³⁸ Oleh itu, wajar bagi suaminya menyediakan sesuatu sebagai asas kepada isteri yang diceraikannya itu bagi memulakan hidup baru.

³⁶ Boleh dirujuk dalam Nur Aini, ‘Kesan Perceraian,’ *Scribd*, ml.scribd.com/doc/58862927, 28 Jun 2011.

³⁷ Munawiza Juliana Mohd. Jasim, ‘Mut’ah: Compensation for the Divorced Wife,’ dalam *Islamic Family Law Issue 2000*, ed. Zaleha Kamaruddin (International Islamic University Malaysia: GECD Printing Sdn. Bhd., 2001), 333; Abd. Fatah Muhammad Abū al-‘Aiynayn, *al-Islām wa al-Usrah: Dirāsah Muqāranah fi Daw’ al-Madhāhib al-Fiqhiyyah wa Qawānin al-Ahwāl al-Syakhsiyah*, vol. 2 (Qāhirah: Tajlid al-Farmawi, t.t.), 420-421.

³⁸ Zaleha Kamaruddin, ‘Hak Wanita di dalam Undang-undang Keluarga: Antara Reformasi dan Realiti,’ 119.

TUNTUTAN *MUT'AH* DI TIGA WILAYAH SELATAN THAILAND

Undang-undang Thailand juga menjelaskan maksud *mut'ah* sebagai harta yang diberi oleh suami kepada isteri yang diceraikan.³⁹ Pemberian ini adalah tanggungjawab suami⁴⁰ dan ia tidak gugur kecuali dengan beberapa perkara yang disebut dalam Artikel 142 (2) Lak Kodmai Islam (Asas Undang-Undang Islam) 1946. Seseorang isteri yang diceraikan dengan ketiadaan sebab yang patut⁴¹ boleh memohon *mut'ah* kepada Mahkamah Kadi. Namun demikian, pemberian *mut'ah* tidak dianggap wajib ke atas suami sekiranya ia sebagai pekerja kepada isteri dan mendapat upahan darinya sebelum berlaku perceraian. Bagaimanapun, *mut'ah* diwajibkan apabila mas kahwin tidak ditentukan semasa perkahwinan dan perceraian berlaku dalam keadaan belum ditetapkannya.⁴²

Mahkamah Kadi akan membuat keputusan setelah ia mendengar daripada kedua-dua belah pihak yang bertikai itu sama ada dari pihak suami atau isteri dan berpuas hati bahawa perempuan itu diceraikan dengan tanpa sebab yang patut. Maka suami diperintahkan supaya membayar sejumlah wang tidak lebih daripada setengah harga mas kahwin yang berpatutan.⁴³ Atau suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut Hukum Syarak.⁴⁴ Walau bagaimanapun, *mut'ah* ini akan gugur⁴⁵ dengan berlakunya sebab sebab berikut:

- a. Isteri murtad dari agama Islam
- b. Menceraikan isterinya dengan *khul'*
- c. Fasakh mengikut Artikel 111; Lak Kodmai Islam (Asas Undang-Undang Islam) 1946
- d. Suami atau isteri meninggal dunia
- e. Berlainan agama

Mengikut maklumat temu bual dengan pihak Majlis Agama Islam Pattani tuntutan *mut'ah* dalam masyarakat Islam di tiga wilayah selatan Thailand tidaklah begitu tinggi bahkan juga dikatakan tidak ada.⁴⁶ Mengikut

³⁹ Artikel 142 Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam) 1946.

⁴⁰ Artikel 142 Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam) 1946.

⁴¹ Iaitu perceraian di antara suami isteri sebelum ditunaikan mas kahwin sama ada dengan persetujuan suami isteri itu sendiri atau dengan Keputusan kadi.

⁴² Artikel 143(1).

⁴³ Artikel 144.

⁴⁴ Artikel 99.

⁴⁵ Artikel 142 (2).

⁴⁶ Ahmad Wan Lembut (Timbalan Yang Dipertua, Majlis Agama Islam Pattani), dalam temu bual dengan penulis, pada 6 Jun 2007.

satu kaji selidik yang dilakukan pada April-Jun 2009 di sekitar pusat bandar, daerah-daerah dan kampung-kampung di wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat terhadap wanita yang diceraikan mendapati bahawa ia disebabkan oleh elemen kefahaman masyarakat itu sendiri baik lelaki maupun wanita, apabila hubungan suami isteri telah berkecai maka bererti segala-galanya telah putus. Dengan demikian masing-masing mencari jalan untuk membina hidup bersendirian lantaran dibantu oleh kaum keluarga masing-masing. Seterusnya golongan wanita di tiga wilayah selatan Thailand khususnya tidak begitu memahami hak mereka selepas perceraian dan cara-cara untuk mendapatkan hak tersebut. Kesemua kes diselesaikan dengan cara yang mudah. Dengan sebab-sebab tersebut tuntutan *mut'ah* di tiga wilayah selatan Thailand kurang berada di tahap yang lebih memuaskan.

Dengan ini boleh disimpulkan bahawa wanita yang bercerai di tiga wilayah selatan Thailand tidak mengetahui amalan tuntutan hak yang diperolehi setelah bercerai dalam peratusan yang amat tinggi seperti di wilayah Pattani 60%, wilayah Yala 62.85% dan wilayah Narathiwat 68.57. Sementara yang mengetahuinya adalah amat sedikit peratusannya iaitu di wilayah Pattani 41.42%, wilayah Yala 15.71% dan wilayah Narathiwat 31.42%.

Apa yang didapati daripada fakta tersebut jelas menunjukkan bahawa permasalahan yang timbul salah satunya berpunca daripada wanita itu sendiri. Hasil daripada kajian ini mendapati peratusan pendidikan wanita yang bercerai adalah mereka yang berpendidikan tahap rendah, iaitu rata-rata wanita yang bercerai hanya berpendidikan setakat darjah 6 dan tingkatan tiga sahaja. Maka ini akan mengundang seribu satu macam masalah dalam kehidupan mereka.⁴⁷ Dalam konteks ini sejajarlah dengan apa yang diucapkan oleh Isma'il Chek dan Abd. Aziz Apirat, yang kedua-duanya adalah Dato' Yuttitam di Mahkamah Sivil Pattani⁴⁸ bahawa kebanyakannya isu tuntutan wanita selepas perceraian tidak diajukan ke mahkamah. Salah satunya berpunca dari wanita sendiri yang tidak mengetahui tentang amalan tuntutan ini sama ada dari aspek perundangan dan prosedur perbicaraan.

AMALAN TUNTUTAN *MUT'AH*

Mengikut satu kaji selidik yang dilakukan oleh penulis pada April-Jun 2009 di sekitar pusat bandar Pattani, Yala dan Narathiwat justeru di daerah-daerah dan

⁴⁷ Keterangan dari Ahli Jawatankuasa Budaya National, Kementerian Budaya Thailand.

⁴⁸ Ismail Che' dan Abd. Aziz Apirat (Dato' Yuttitam, Wilayah Pattani), dalam temu bual dengan penulis, pada 22 Mei 2009.

kampung-kampung di wilayah berkenaan seperti kampung Ternang, Cekil, Panarek, Melayu Bangkok, Kerong Pinang, Tanto, Jeringa, Kucing Lepas dan Dusunyyor terhadap wanita yang diceraikan mendapati wanita secara umumnya tidak mendapat hak *mut 'ah* kerana tidak melakukan tuntutan kepada mahkamah kecuali dalam jumlah dan peratusan yang kecil sahaja seperti yang berlaku di Wilayah Narathiwat iaitu sebanyak 11.43%. Manakala di wilayah Pattani dan Yala adalah kosong.

Dengan ini dapat disimpulkan bahawa hak *mut 'ah* langsung tidak diperolehi oleh wanita yang bercerai di tiga wilayah selatan Thailand. Ini menunjukkan suatu kepincangan masyarakat yang berlaku terhadap wanita. Dalam konteks ini Prof Dr. Hamka dalam tafsir al-Azhar⁴⁹ berkata:

"Hikmah mut 'ah ialah supaya perceraian jangan menimbulkan bisik desus, gunjing dan umpat. Menjadi tanda bahawa si lelaki adalah seorang yang halus perasaan, tidak membiarkan jandanya terlantar sesudah bercerai sampai dia mendapat suami lain atau jangan dia selama tinggal dengan orang tuanya menjadi beban berat kepada orang tuanya itu."

Hal ini juga sejajar dengan apa yang diucapkan oleh dua orang kadi (Ismail Che' dan Abd. Aziz Apirat), seterusnya mereka berdua menegaskan bahawa di antara tuntutan wanita selepas perceraian yang paling terabai sekian lama dalam masyarakat ini ialah amalan tuntutan *mut 'ah*.

Walau bagaimanapun, sekiranya tuntutan ini dibuat kepada imam kariah,⁵⁰ maka wanita itu dikehendaki membawa bersamanya surat nikah dan surat cerai serta diteruskan sesi soal jawab kepada mereka berdua tentang kedudukannya apakah si isteri telah disetubuh atau belum, mas kahwin telah dibahagi atau belum. Imam akan mengeluarkan keputusan sekiranya ia memenuhi syarat-syarat serta berpandukan status kedudukan suami isteri, kaya atau miskin serta keturunan isteri.⁵¹

Perkara ini agak berlainan dengan amalan yang dibuat di negara-negara lain seperti Indonesia dan Malaysia. Di Indonesia, *mut 'ah* diertikan sebagai pemberian bekas suami kepada isteri yang dijatuhi *talāq* berupa benda atau wang dan lainnya.⁵² Dengan demikian *mut 'ah* merupakan salah satu hak yang

⁴⁹ Hamka, *Tafsir Azhar*, vol. 20 (Singapura: Pustaka Nasional, 1982), 259.

⁵⁰ Gavin W. Jones, *Marriage and Divorce in Islamic South-East Asia* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1994), 55.

⁵¹ Gavin W. Jones, *Marriage and Divorce in Islamic South-East Asia*, 55.

⁵² Kompilasi Hukum Islam (KHI) fasal 1 (j):

diterima oleh isteri setelah terjadinya perceraian.⁵³ Di Indonesia, *mut'ah* dapat dibahagi ke dalam dua bentuk; *mut'ah wajib* dan *mut'ah sunat*.

Bekas suami wajib memberikan *mut'ah* kepada isteri yang diceraikan dengan syarat:

- a. Mahar belum ditetapkan
- b. Isteri *dītalāq* setelah berlaku persetubuhan
- c. Perceraian di atas kehendak suami⁵⁴

Apabila salah satu daripada tiga syarat *mut'ah* tidak dipenuhi maka suami sunat memberikan *mut'ah* kepada isteri yang diceraikan itu.⁵⁵ Tetapi kesemua itu sama ada yang wajib atau yang sunat tidak ditentukan berapa jumlahnya berasaskan penentuan tersebut mengikut atas kemampuan suami.⁵⁶

Manakala di Malaysia pula, ketentuan *mut'ah* diperuntukkan dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 Pindaan 2002 dan juga Enakmen Undang-undang keluarga Islam di negeri-negeri kerana bercerai.⁵⁷ Di Malaysia, ketentuan tentang isteri yang berhak

⁵³ Selain menerima *mut'ah*, isteri yang *dītalāq* juga menerima hak-hak lain dari suami yang menṭalāqnya itu, dalam KHI fasal 149: “Bila mana perkahwinan putus maka bekas suami wajib: a. memberikan *mut'ah* yang layak kepada bekas isterinya baik berupa wang atau benda kecuali bekas isteri tersebut *qabla al-dukhūl*; b. memberikan nafkah, tempat tinggal dan pakaian selama dalam ‘iddah kecuali bekas isteri dijatuhi *ṭalāq ba'in* atau *nusyūz* dan dalam keadaan tidak hamil; c. melunasi mahar yang masih terhutang seluruhnya dan separuh apabila *qabla al-dukhūl*; d. memberikan biaya hadanah untuk anak-anak yang belum mencapai umur 21 tahun.”

⁵⁴ KHI fasal 158: “*Mut'ah* wajib diberikan oleh bekas suami dengan syarat: a. belum ditetapkan mahar bagi isteri *ba'da al-dukhl*; b. perceraian itu atas kehendak suami.”

⁵⁵ KHI fasal 159: “*Mut'ah* sunat diberikan oleh bekas suami tanpa syarat tersebut dalam fasal 158.

⁵⁶ KHI fasal 160: “Besarnya *mut'ah* disesuaikan dengan kepatutan dan kemampuan suami.”

⁵⁷ Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Johor) 1990 seksyen 2 dan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 seksyen 2 yang mendefinisikan *mut'ah* dengan “*bayaran sagu hati yang diberi oleh hukum syarak kepada isteri yang diceraikan*” begitu juga dengan definisi yang terdapat dalam kamus Istilah Undang-undang Keluarga Islam Malaysia bahawa “*Mut'ah adalah hadiah atau bayaran sagu hati yang diwajibkan ke atas suami kepada isterinya yang telah diceraikan sebelum bersetubuh pada akad yang tidak sebut mas kahwin*”. Lihat Zaleha Kamaruddin dan Raihanah Abdullah, *Kamus Istilah Undang-undang Keluarga Islam* (Kuala Lumpur: Zebra edition Sdn. Bhd., 2002), 104.

mendapat *mut'ah* tidaklah sama antara satu negeri dengan negeri yang lain. Di Wilayah Persekutuan, Selangor, Perak, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Kedah, Sarawak, Sabah dan Terengganu disebutkan bahawa isteri berhak memperolehi *mut'ah* apabila ia diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya.⁵⁸ Sedangkan di Kelantan, Melaka, Johor, Pahang dan Perlis ditentukan bahawa setiap isteri yang diceraikan berhak mendapat *mut'ah* dari suaminya.⁵⁹ Semua undang-undang Keluarga Islam di Malaysia memperuntukkan bahawa *mut'ah* diberikan kepada seseorang yang mesti ditunaikan. Dengan demikian jumlah itu ditentukan di mahkamah dengan mempertimbangkan kewajaran dan kepatutan.

KESIMPULAN

Mut'ah ialah sejumlah harta yang diwajibkan ke atas suami untuk diberikan kepada bekas isterinya yang pernah disetubuhi jika perceraian itu bukan berpunca dari isteri dan bukan kematian suami. Saidina Hasan bin Ali yang mana semasa ia menjadi khalifah telah menceraikan isterinya dan memberi 10,000 dirham sebagai *mut'ah*. Pemberian tersebut disifatkan sebagai pemberian dari seorang kekasih yang terpaksa berpisah.

Maka *mut'ah* diperuntukkan bagi mengubati hati isteri kerana bercerai. Isteri yang diceraikan sudah tentu merasakan sedih dan berduka-cita di atas keruntuhan rumahtangga yang sekian lama dibina. Namun, dalam masyarakat Islam di tiga wilayah selatan Thailand, isteri yang diceraikan tidak mendapat sebarang pemberian sagu hati dari pihak suami manakala isteri pula tidak melakukan sebarang tuntutan dalam isu berkenaan kecuali dalam peratusan yang amat sedikit sebagaimana berlaku di wilayah Narathiwat. Dalam konteks ini, Ismail Chek dan Abd. Aziz Apirat yang merupakan Dato' Yuttitam di

⁵⁸ Sebagai contoh seperti Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 seksyen 56: “Selain dari haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon *mut'ah* atau pemberian sagu hati kepada Mahkamah dan Mahkamah boleh setelah mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa perempuan itu diceraikan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut Hukum Syarak.”

⁵⁹ Contoh sebagaimana dimuatkan dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kelantan) 2002 seksyen 58: “Selain dari haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan boleh memohon *mut'ah* atau bayaran sagu hati kepada mahkamah, dan mahkamah boleh selepas mendengar pihak-pihak itu, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut hukum Syarak apabila berpuas hati bahawa perempuan itu telah diceraikan.”

Mahkamah Sivil Pattani menegaskan bahawa permasalahan yang timbul salah satunya adalah berpunca daripada wanita itu sendiri kerana mereka tidak membuat tuntutan di mahkamah maka haknya dibiarkan begitu sahaja dan ini adalah berpunca daripada jahil atau tidak mengetahui tentang amalan tuntutan di mahkamah sama ada dari aspek perundangan dan prosedur perbicaraan.

RUJUKAN

- ‘Ala’ al-Dīn al-Kāsānī, *Badā'i al-Šanā’ī*, vol. 2 (Beirūt: Dār Kitāb al-‘Arabī, 1982).
- ‘Abd Fatah Muhammad Abū al-‘Aiynayn, ‘*al-Islām wa al-Uṣrah: Dirāsah Muqāranah fī Daw’ al-Madhāhib al-Fiqhiyyah wa Qawānin al-Ahwāl al-Syakhsiyyah*, vol. 2 (Qāhirah: Tajlid al-Farmawī, t.t.).
- Amporn Marddent, ‘Khao Khaek Interfaith Marriage between Muslims and Buddhists in Southen Thailand,’ dalam *Muslim-Non-Muslim Marriage Political and Cultural Contestations in Southeast Asia*, ed. Gavin W. Jones, Chee Heng Leng & Maznah Mohamed (Singapore: Institute of Souteast Asian Studies, 2009).
- Amporn Marddment, ‘Religious Piety and Muslim Women in Thailand,’ dalam *Gender and Islam in Southeast Asia: Women’s Right Movement, Religious Resurgence and Local Traditions*, ed. Susanne Schroeters (Leiden: Google Book Brill, 2013).
- Arong Suttasana, ‘Syariah and Codification - Thailand Experience,’ *Syariah Law Journal*, 4 (1987): 134-135.
- Aziz Ben Hawan, ‘Kadhi di Selatan Thai,’ *Syariah Law Journal*, 6 (1990): 66.
- Gavin W. Jones, *Marriage and Divorce in Islamic South-East Asia* (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1994).
- Hamka, *Tafsir Azhar*, vol. 20 (Singapura: Pustaka Nasional, 1982).
- Hassan Salleh, *Asas Kekeluargaan Islam: Bahasan Empat Mazhab: Syafi’i, Hanafi, Maliki dan Hanbali* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989).
- al-Faiyūmī, Ahmad bin Muhammad bin ‘Alī, *al-Miṣbāh al-Munīr, Mu’jam ‘Arabī* (Beirūt: Maktabah Lubnan al-Nashirūn, 1990).
- Ibn Jūzzi, *al-Qawānīn al-Fiqhiyyah*, vol. 1 (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Arabī, 1989).
- Jumhūriyyah Misr al-‘Arabiyyah, *al-Mu’jam al-Wajīz* (Qāhirah: Dār al-Tahrir Littab’ wa al-Nashr, 2000).

- M Abdul Mujieb et al., *Kamus Istilah Fiqh* (Selangor: Advance Publication, 1997).
- Mahkamah Syariah Singapura, ‘Kesan-kesan Perceraian,’ app.syariahcourt.gov.sg., diakses pada 01 November 2006.
- Mālik bin Anas (t.t), ‘al-Mudāwanah al-Kubra,’ vol. 2, *Mawqi‘ Maktabah al-Madaniah al-Rawamiyyah*, www.raqamiya.org, 11 Oktober 2011.
- Mubarak Fahad al-Dusriy, ‘Mu’tamar al-Irsyād al-Usariy al-Awwalu Bidual Majlis al-Ta‘āwun al-Khalījīy,’ *al-Furqān*, 434 (2007).
- Muhammad bin Ahmad al-Khatīb al-Syarbīnī, *Mughni al-Muhtāj*, vol. 3 (Qāhirah: Dār al-Fikr, t.t.).
- Muhammad bin Ahmad al-Syarbinī Syams al-Dīn, *Tafsīr al-Sirāj al-Munīr*, vol. 1 (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.).
- Muhyī al-Dīn Yahyā bin Syaraf al-Nawawī, *al-Majmu‘*, vol. 16 (Mawqi‘ ya‘sūb: Maktabah Masjid al-Nabawī al-Syarif, t.t.).
- Munawiza Juliana Mohd. Jasim, ‘Mut‘ah: Compensation for the Divorced Wife,’ dalam *Islamic Family Law Issue 2000*, ed. Zaleha Kamaruddin (International Islamic University Malaysia: GECD Printing Sdn. Bhd., 2001).
- Safia Iqbal, *Women and Islamic Law* (New Delhi: Adam Publishers & Distributors, 2004).
- Sulaymān bin ‘Umar al-Jamāl, ‘Hāsyiyah al-Jamal ‘Ala Syarḥ Minhāj al-Tullāb,’ vol. 17, *Mawqi‘ al-Islām*, http://www.al-Islam.com, diakses pada 5 Julai 2010.
- Syahāb al-Dīn al-Qalyubi, ‘Hāsyiatā Qalyubī wa ‘Umayrah ‘Ala Minhāj al-Tālibīn,’ vol. 12, *Mawqi‘ al-Islām*, http://www.al-islam.com, diakses pada 11 Oktober 2011.
- al-Nawawi, *Rawdat al-Tālibīn*, vol. 7 (Beirūt: Maktabah al-Islām, 1405).
- Wafā’ Ma’atūk Hamzah, Āthār al-Ṭalāq al-Ma‘nawiyyah wa al-Māliyah fī al-Fiqh al-Islāmī, vol. 1 (Makkah: Dār al-Thiqqah, 1993).
- Wan Kadir Che’man, *Muslim Separatism: The Moros of Sauthen Philipines and the Malay of Sauthen Thailand* (Singapore: Oxford University Press, 1990).
- Weitmen, L., *The Divorce Revolution the Unexpected and Economic Consequences for Women and Children in America* (Newyork: The Free Press, 1985).
- Zaky al-Dīn Sya'bān, *al-Aḥkām al-Syar‘iyyah li al-Ahwāl al-Syakhṣiāh* (Benghāzi: Jāmi‘ah Qaryunus, 1993).

Zaleha Kamaruddin, ‘Hak Wanita di dalam Undang-Undang Keluarga: Antara Reformasi dan Realiti,’ dalam *al-Ahkām*, vol. 6 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988).

Zaleha Kamaruddin dan Raihanah Abdullah, *Kamus Istilah Undang-undang Keluarga Islam* (Kuala Lumpur: Zebra Edition Sdn. Bhd., 2002).

Statut

Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984.

Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Johor) 1990.

Kompilasi Hukum Islam (KHI).

Temu bual

Ahmad Wan Lembut (Timbalan Yang Dipertua, Majlis Agama Islam Pattani), dalam temu bual dengan penulis, pada 6 Jun 2007.

Ismail Che’ dan Abd. Aziz Apirat (Dato’ Yuttitam, Wilayah Pattani), dalam temu bual dengan penulis pada 22 Mei 2009.

